

Aseh nafi dicalonkan bertanding

18 NOV 1999

KUALA LUMPUR 17 Nov. — Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat menolak dakwaan bahawa beliau mungkin dicalonkan bertanding pada pilihan raya umum ini dan bakal mengisi kekosongan jawatan Menteri Besar Negeri Sembilan.

Ini berikutan dakwaan sesetengah pihak semalam yang mengatakan beliau dan veteran UMNO, Datuk Rais Yatim disebut-sebut sebagai bakal calon Menteri Besar menggantikan Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad.

"Saya tidak tahu dari mana punca berita ini. Buat apa saya nak bertanding sebab saya akan terus berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan," katanya ketika ditemui pada majlis kesyukuran sempena penerimaan Anugerah Perdana Teknologi Maklumat di sini hari ini.

Majlis itu diadakan bagi meraikan kejayaan dan rasa syukur Jabatan Imigresen setelah dipilih sebagai pemenang Anugerah Perdana Teknologi Maklumat 1999.

Menurut Aseh lagi, beliau tidak menerima sebarang maklumat mengenai soal pencalonan itu setakat ini dan tidak ada sesiapa pun yang menghubunginya tentang perkara berkenaan.

"Lagipun kalau saya nak bertanding buat apa saya tinggal di Kuala Lumpur," tegasnya.

Mengenai kejayaan jabatan itu, beliau berkata, anugerah tersebut menyamai taraf anugerah yang diterima oleh Majlis Perbandaran Kuantan.

Dengan kemenangan itu, Jabatan Imigresen telah menerima wang tunai RM10,000, piala dan perisai yang ditandatangani oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Penerimaan anugerah tersebut adalah hasil usaha semua kakitangan Jabatan Imigresen yang bekerja keras untuk menjadikan jabatan itu 'bertaraf dunia' di dalam perkhidmatannya.

"Alhamdulillah kita sudah berusaha dan hasilnya kita berjaya dan tidak lupa kepada semua pihak yang membantu dengan memberi sumbangan yang tidak terkira," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Jabatan Imigresen turut memperkenalkan konsep Berkhidmat Dengan Senyuman dalam menguruskan perkhidmatan mereka kepada pelanggan dan keluaran terbaru ISO 9000 pada hujung bulan ini.

Kejayaan itu diperoleh setelah melalui empat peringkat persembahan, iaitu penilaian dibuat mengenai visa, pas pengajian pelajar, kad pekerja asing dan pasport.